Ranking penting bagi universiti

Oleh Suzalina Halid - Januari 2, 2024 @ 5:12pm
suzalina@bh.com.my



Sejauh mana kepentingan ranking bagi sesebuah universiti, adakah sebagai tanda aras kehebatan namun dalam masa sama melunturkan fungsinya sebagai pusat ilmu dan pemikiran? Gambar hiasan

SEJAUH mana kepentingan pemeringkatan atau ranking bagi sesebuah universiti? Adakah ia hanya sebagai tanda aras kehebatannya namun dalam masa sama melunturkan fungsinya sebagai pusat ilmu dan pemikiran?

Hal itu menarik perhatian umum apabila baru-baru ini ramai yang mempersoalkan ketaasuban universiti untuk mengejar ranking QS World University Rankings atau penarafan universiti antarabangsa, sedangkan pendekatan

itu didakwa tidak relevan apabila timbul percanggahan dan ketelusan terhadap penanda aras digunakan.

Malah dari segi yang lain, ia dilihat menekan pensyarah dari segi memenuhi keperluan petunjuk prestasi utama (KPI). Justeru, ia menyebabkan berlaku kecenderungan dalam kalangan pensyarah dan profesor untuk mengejar ranking berbanding mengutamakan tugas hakiki.

Hal ini antara lain disebabkan indikator ranking adalah berdasarkan jumlah penerbitan, geran diterima, pelajar dan kakitangan antarabangsa.

Dalam hal ini Presiden Majlis Profesor Negara (MPN) Prof Emeritus Datuk Dr Raduan Che Rose, berpandangan daripada hanya menumpukan pada kesan dominasi global, lebih baik ia dipandang menerusi kemampuannya untuk memacu kualiti dan pendidikan global.

Katanya, ranking universiti juga tidak seharusnya dilihat sebagai sistem tegar yang menentukan laluan institut itu, sebaliknya ia perlu berfungsi untuk menjadi penanda aras, melakukan penambahbaikan selain menggalakkan ketelusan dalam landskap pendidikan tinggi.

Justeru, katanya MPN melihat ranking boleh memacu universiti ke arah kecemerlangan dan memberi manfaat kepada pelajar serta masyarakat melalui semangat persekitaran yang berdaya saing.

Tambahnya, ranking boleh memupuk landskap pendidikan tinggi yang pelbagai dan bertenaga di negara ini dan dalam masa sama, universiti akan dihargai kerana sumbangan unik dan komitmen mereka.

"Oleh itu, adalah penting untuk mengiktiraf sumbangan positif ranking universiti sebagai pemacu kualiti dalam pendidikan global.

"Faedah ranking boleh dimanfaatkan sambil mengekalkan konteks nasional tertentu, itu adalah kunci untuk memastikan landskap pendidikan tinggi yang bertenaga.

"Justeru kita perlu bergerak melampaui batasan ranking global dan mencipta sistem yang benar-benar mencerminkan aspirasi dan keperluan negara," katanya dalam kenyataan bersama Felo Kanan MPN, Dr Syed Alwee Alsagoff.

Dr Raduan berkata, kepentingan ranking universiti seperti Q5 World Ranking tidak dapat dinafikan. Pemeringkatan yang dimulakan pada 2004 itu adalah sumber perbandingan bebas prestasi institut pengajian tinggi, namun negara mesti bergerak melangkaui pengaruh tunggal ranking dan menerima pendekatan lain yang mirip.

Katanya, daripada sekadar mendaki tangga ranking global, universiti harus diiktiraf untuk menyumbang kepada komuniti setempat dan komitmen terhadap inisiatif impak sosial mereka.

Hal ini boleh membabitkan penilaian peranan universiti dalam menangani permintaan tenaga kerja negara. Misalnya, adakah universiti menawarkan program sejajar dengan rancangan pembangunan ekonomi negara dan menyediakan graduan kemahiran yang diperlukan untuk menyumbang secara bermakna?

"Dalam aspek menggalakkan mobiliti sosial pula, adakah universiti menawarkan pendidikan yang boleh diakses dan mampu dimiliki, terutamanya untuk komuniti yang kurang bernasib baik, dengan mewujudkan masyarakat yang lebih saksama,"katanya.

Tegasnya, membangunkan sistem ranking dengan penekanan faktor kontekstual boleh memberi insentif kepada sesebuah universiti untuk mengutamakan misi dan nilai teras mereka.

Hal ini tambahnya akan mengalihkan tumpuan melangkaui prestij antarabangsa dan menggalakkan universiti membangunkan kekuatan unik mereka sendiri untuk menyumbang secara bermakna kepada komuniti.

Sementara itu, Majlis Akademi Profesor Malaysia (APM) pula berpendapat, kerangka penilaian MyRA (Penilaian Penyelidikan Malaysia) dan Sistem Penarafan Bersepadu Institusi Pendidikan Tinggi Malaysia (SETARA) perlu disemak semula untuk memastikan ketekalannya dengan kluster universiti seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

APM menyebut, ukuran kesarjanaan dan kewibawaan seorang profesor sangat berbeza dengan reputasi atau pencapaian keseluruhan sebuah institusi pengajian tinggi, dengan kedua-duanya tidak semestinya beriringan.

Atas dasar itu, menurut APM, sistem penilaian yang ada perlu memiliki mekanisme untuk mempertimbangkan tahap kewibawaan atau kesohoran seseorang ahli akademik yang mungkin tidak ditekankan oleh kerangka memfokus kepada sektor atau indeks pencapaian keseluruhan institusi.

"APM berpandangan bahawa penarafan antarabangsa mempunyai peranan bagi membantu negara melihat kedudukan pendidikan tinggi di Malaysia.

"Namun, dalam konteks tempatan, negara memerlukan suatu kerangka penarafan tempatan yang seimbang serta relevan dengan keperluan semasa negara dan masyarakat.

"Jadi, isu yang dibangkitkan ini dapat dijadikan titik tolak untuk perbincangan dasar yang lebih mendalam bagi mengenalpasti langkah penambahbaikan dalam meningkatkan keberkesanan pendidikan tinggi dan memastikan ia relevan," katanya.

Pada masa sama, bagi memastikan penilaian sebegini boleh memberikan hasil baik, APM berpandangan negara memerlukan suatu dasar kebangsaan yang jelas dari segi menetapkan apa yang dianggap sebagai konsep dan pelaksanaan penyelidikan cemerlang serta bernilai strategik kepada negara.

Katanya, kriteria ini seharusnya dijadikan asas penarafan nasional yang berfokus pada sumbangan institusi pengajian tinggi terhadap citra atau gagasan kebangsaan, dan mengurangkan kebergantungan serta keutamaan terhadap KPI konvensional yang lebih berorientasi pencapaian akademik semata-mata.

Untuk rekod, November lalu media melaporkan Universiti Malaya (UM) terkeluar daripada kedudukan 10 teratas dalam QS World Ranking: Asia 2024 apabila berada di kedudukan ke-11, berbanding tangga kesembilan berbanding tahun sebelumnya.

Selain UM, Universiti Putra Malaysia (UPM) turut mencatat kedudukan ke-25, manakala Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di tangga ke-28.